Bank Islam dan Kuin jalin kerjasama projek Dana Wakaf Insaniah

KUALA LUMPUR 2 Sept. - Bank Islam Malaysia Bhd. (Bank Islam) dan Kolej Universiti Insaniah (Kuin) menjalin usaha sama strategik bagi membolehkan kedua-dua pihak merealisasikan projek Dana Wakaf Insaniah, satu projek pembinaan masjid wakaf bernilai RM15 juta di kampus Kuin di Kuala Ketil, Kedah.

Pengarah Urusan Bank Islam, Datuk Seri Zukri Samat berkata, masjid yang akan dinamakan sebagai Masjid Insaniah akan ditadbir dan diuruskan oleh Majlis Agama Islam Kedah.

Beliau memberitahu, Bank Islam akan memainkan peranan penting dalam pembangunan tanah wakaf di negara ini.

Katanya, kerjasama ini membolehkan Bank Islam menyediakan perkhidmatan kewangan berteraskan syariah yang sewajarnya bagi melicinkan lagi pengurusan harta wakaf.

Jelasnya, pelaksanaan projek Dana Wakaf Insaniah ini akan menyumbang bukan sahaja kepada pembangunan Kuin secara keseluruhan tetapi juga ke arah pembangunan sosial dan ekonomi negara.

ZUKRI Samat (kiri) menandatangani dokumen kerjasama antara Bank Islam dengan Kuin.

"Dengan projek ini, Bank Islam menampilkan kaedah pembangunan wakaf sebagai kaedah yang boleh dipercayai untuk memajukan ekonomi negara," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Memorandum perjanjian persefahaman di antara Bank Islam dan Kuin ditandatangani pada 25 Ogos lalu yang turut disaksikan oleh Rektor Kuin, Datuk Mohd. Yusof Kasim.

Kuin melantik Bank Islam sebagai rakan strategiknya untuk mengurus dan menyelenggara dana tabung wakaf yang akan ditubuhkan bagi mengumpul dana yang diperoleh daripada sumbangan orang awam, badan dan agensi kerajaan dan syarikat-syarikat korporat untuk membangunkan masjid tersebut.

Zukri turut mengakui bahawa kerjasama ini dilaksanakan tepat pada masanya bagi mengembangkan peranan serta kepentingan instrumen muamalat dan keberkesanan wakaf sebagai satu instrumen yang berpotensi untuk dibangunkan seiring dengan arus pembangunan perdana.

Sebelum ini, katanya, Bank Islam telah mengurus pembangunan projek wakaf untuk bangunan ibu pejabatnya, Menara Bank Islam yang terletak di kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur.

Selain itu, Bank Islam juga telah bekerjasama dengan syarikat perumahan UDA dalam membangunkan kawasan perumahan di Taman Waqaf Seetee Aisyah yang terletak di Seberang Perai, Pulau Pinang.